# KURSUS PENGUKUHAN DAN PEMANTAPAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM



UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERILMU BERBAKTI

**IBRAHIM HAJI HUSSAIN**

**DEWAN SEMINAR ALFARABI**

**FAKULTI EKOLOGI MANUSIA**

**6 NOVEMBER 2019**



# TRAINER

Ibrahim Haji Hussain, founder of Bright Future Training (BFT), brings almost 30 years of cross functional management experience to his HRM/HRD training, seminars and conferences.

He holds a Diploma In Agriculture Science, Degree in HRD, and Master Degree in HRD from UPM, Diploma In Business Management and Post-Graduate Dip In Business Admin. from University Of Wales and Dip. In Islamic Studies from UIAM.

He has hold managerial position in PNB (SIME DARBY), GAMUDA LAND (DRB-Hicom, Gamuda,Litrak and UEMSUNRISE).

His area of interest is resource and people management and has vast experience in conducting training and motivational courses and loves sharing his knowledge and experiences.

He creates a sense of power for people to breakthrough towards better performance. He applies seriousness and humorous approach to create effective results for participants.

# Knowing Me, Knowing You



# ICEBREAKER



HANG RIMAU



HANG TUAH



HANG LI PO

Buletin Perdana • Januari 2019 • Bil 1/2019

# PM Mahu Malaysia Dikenali Kerana Integriti, Bukan Rasuah

KUALA LUMPUR, 29 Jan 2019 (Bernama) -- Usaha kerajaan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) adalah bagi mencapai aspirasi supaya Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, kata Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei 2018, kebanyakan rakyat Malaysia merasa mual dengan kejadian rasuah yang berleluasa dalam negara melibatkan kerajaan, digelar sebagai sebuah kleptokrasi di peringkat antarabangsa.

"Mereka menyalurkan kemarahan melalui peti undi yang membawa kepada perubahan kerajaan, menumbangkan parti/gabungan yang memerintah negara sejak kemerdekaan. Oleh itu, penting bagi kerajaan baharu untuk sentiasa diingatkan bahawa satu-satunya isu yang membawa kepada kejatuhan kerajaan yang berusia 61 tahun itu adalah amalan rasuahnya," katanya menerusi pernyataan visi dalam Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 yang dilancarkan hari ini.

[ Berita selanjutnya di www.pmo.gov.my ]
Sumber: BERNAMA



# VISI: NEGARA DIKENALI KERANA INTEGRITI BUKAN RASUAH

# Penjawat awam dipenjara 14 hari, denda RM15,000 kerana rasuah

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@nstp.com.my

Share Tweet Share

JOHOR BAHRU: Seorang Penolong Pegawai Belia dan Sukan dijatuhkan hukuman penjara 14 hari dan didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini, kerana menerima rasuah daripada sebuah syarikat pembekal, empat tahun lalu.

Tertuduh, Norhayati Iskar, 37, yang bertugas di Pejabat Belia dan Sukan Segamat, mengaku bersalah, sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Kamarudin Kamsun.

Norhayati didakwa menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu wang tunai berjumlah RM10,000 dengan tiada balasan daripada pemilik Syarikat SA Affandi Enterprise, Syed Azrol Affandi Syed Rahmad, yang diketahui menjadi pembekal perkhidmatan bagi Liga Sukan Untuk Semua Daerah Segamat 2015.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Segamat, pada Oktober 2015.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, tertuduh yang tidak diwakili peguam menangis teresak-esak ketika membuat rayuan dengan mengatakan dirinya sudah insaf dan mahu menjadi insan lebih baik selepas ini.

# Kesalahan beri, terima rasuah sama berat

BH 10 April 2019



Dari Kaca Mata

**Datuk Seri Akhbar Satar**
**Presiden** Persatuan Fraud Bertauliah Malaysia

Pada tahun lalu, kru sebuah bot warga Vietnam cuba menyogok RM20,000 kepada pegawai Maritim Wilayah Ti-

rang lima kali nilai suapan jika suapan dapat dinilai atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Pemberi rasuah perlu ingat bahawa perbuatan memberi ini amat berbahaya serta serius kerana penerima boleh menyimpan 'keterangan' untuk digunakan pada masa hadapan dan sebaliknya si penerima jika sekiranya berasa terancam juga akan menggunakan maklumat yang sedia ada untuk membuat laporan kepada SPRM serta merta.

Apabila sesuatu membabitkan wang ringgit 'kawan' yang pernah tidur sebantal pun tidak dipedulikan. SPRM su-

benda dan harta penerimaan hasil daripada rasuah itu dihabiskan oleh anak perasuah sekelip mata.

Ada kalanya pula, Allah menangguhkan balasannya itu hingga hari akhirat kelak, tunggulah! Cuba kita renungkan kes yang melibatkan bekas Pengerusi Perwaja apabila beliau dituduh menerima rasuah sebanyak RM760 juta, anak dan isteri beliau telah melarikan diri ke England.

Menurutnya semasa beliau kaya, apabila meletakkan tangannya di atas meja, ada 200 tangan lain yang memberi sokongan tetapi apabila beliau dituduh di mahkamah, tiada lagi ke-

# Rasuah untuk mendapatkan kerja kontrak pembekalan

## Didakwa buat tuntutan 'OT' palsu

MyMetro 〉 Mutakhir

SEORANG lelaki bekerja sebagai pembantu perawatan di sebuah klinik kesihatan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Butterworth, hari ini, atas enam tuduhan mengemukakan tuntutan elaun lebih masa palsu, dua tahun lalu.

Tertuduh, Zamri Yahaya, 52, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Nizam Zakaria.

Berdasarkan semua kertas pertuduhan, Zamri berkhidmat sebagai Pembantu Perawatan (Gred U19) di Klinik Kesihatan Teluk Bahang, didakwa dengan niat memperdayakan wakil prinsipal di Pejabat Kesihatan Daerah apabila mengemukakan dokumen tuntutan elaun lebih masa palsu.

Zamri didakwa melakukan kesalahan itu dari Januari 2017 sehingga Jun tahun sama, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM3,134.67.

Bagi semua kesalahan terbabit, dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang boleh dikenakan hukuman denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Azlan Basri, memohon mahkamah menetapkan jaminan RM10,000 bagi setiap pertuduhan berikutan kesalahan serius yang dilakukan tertuduh sebagai kakitangan awam.

## Penolong pegawai veterinar didenda RM20,000, penjara 3 bulan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

f Share | Tweet | g+ Share

JOHOR BAHRU: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini menjatuhkan hukuman denda RM20,000 dan penjara tiga bulan terhadap seorang penolong pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar kerana menerima rasuah.

Tertuduh, Mohd Razi Basar, 42, yang berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor didapati bersalah menerima rasuah bernilai RM35,000.

Hakim Kamaruddin Kamsun, menjatuhkan hukuman itu selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan dihadapi tertuduh.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menerima barang berharga iaitu empat cek Maybank Islamic berjumlah RM35,000 sebagai balasan membantu Syarikat Arjuni Enterprise mendapatkan kerja kontrak pembekalan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Johor.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Norsyarina Raizan, manakala tertuduh diwakili peguam Manian K Marappan.

## Garis dua kualiti pemimpin

Dr Mahathir seterusnya menggariskan dua daripada nilai dan kualiti penting yang harus dimiliki seseorang untuk menjadikannya seorang pemimpin yang baik; yakni integriti dan kejujuran.

Sekiranya seseorang pemimpin tidak mempunyai nilai-nilai ini, ke-


Integriti bermula dari HATI !

# Pengenalan

- Video 1 : Kenapa anda bekerja?





*Quality means doing it right when no one is looking…*

*~Henry ford~*



# INTEGRITI

Keutuhan, kejujuran,
Ketulusan, kesempurnaan
(Kamus DBP)

Wholeness, soundness
Uprightness, honesty
(Oxford Dictionary)

# DEFINASI INTEGRITI

Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi.

Integriti berkait rapat dengan etika.

Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari (PIN, 2004)

# INTEGRITI INDIVIDU

Integriti individu adalah keselarasan di antara apa yang dikatakan oleh individu dengan apa yang dikotakannya;

keselarasan di antara tindakannya dengan prinsip moral, etika dan undang-undang;

# INTEGRITI INDIVIDU

serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan umum. Apa yang dilakukan oleh individu itu pula cepat, tepat dan bermutu.

Apabila dia bertindak atau bertingkahlaku demikian secara konsisten dalam pelbagai segi, dia dikatakan mempunyai integriti (PIN, 2004)

# Renungan bersama...

- Firman ALLAH SWT dalam Surah al-Qasas ayat 26 yang bermaksud:

"*Berkata salah seorang dari kedua anak perempuan itu, 'Ya Ayahku, ambillah dia untuk diberi upah.Sesungguhnya orang yang paling baik untuk ayah beri upah ialah orang yang kuat (al-qawiy) dan dipercayai (al-amin).*"

# AKAUNTABILITI

Menjalankan tugas dan kewajipan dengan penuh tanggungjawab berpandukan peraturan dan undang-undang samada berjaya atau gagal

# Rasuah

Penerimaan atau pemberian sebagai
upah atau dorongan untuk diri seseorang kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan (Akta Pencegahan Rasuah, 1997)

# PENUBUHAN SPRM

LAPORAN SHAH NAZIR ALAM (1958)

↓

Unit Jenayah Khas
(PDRM) 1959

Unit Pencegahan Rasuah
(Jabatan Perdana Menteri)

Bahagian Pendakwaan
(Kementerian Undang-Undang)

↓

Badan Pencegah Rasuah (1967)

↓

Biro Siasatan Negara (1973)

↓

Badan Pencegah Rasuah (1982)

↓

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (2009)

SPRM berpegang kepada *prinsip*

**Bebas, Telus & Profesional**

*prinsip*

# Bebas, Telus dan Profesional

**Bebas**

Tidak dipengaruhi dan tidak perlu merujuk kepada mana-mana pihak dalam membuat keputusan.

**Telus**

Aktiviti SPRM dipantau dan dinasihati oleh lima badan khas yang bebas. Laporan aktiviti SPRM juga mesti dibentangkan di Parlimen

**Profesional**

Pegawai SPRM bertindak berlandaskan parameter undang-undang dan kod etika kerja jabatan.

# *Definisi*

# RASUAH

# RASUAH?

Penerimaan atau pemberian suapan (rasuah) bertujuan supaya seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

# BENTUK SUAPAN (RASUAH)



# RASUAH: JUGA DIKENALI...

Makan Suap

Tumbuk Rusuk

Under counter Money

Minyak Pelincir

DUIT KOPI



# Kesalahan Rasuah:

# ASPRM 2009

# AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH 2009

4 kesalahan utama:

- Meminta/menerima rasuah
- Menawar/Memberi rasuah
- Membuat tuntutan palsu
- Salahguna kedudukan/jawatan oleh pegawai awam

# Meminta/Menerima Rasuah

Mana-mana orang atau ejen meminta/ menerima suapan (rasuah) sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara.

*Sek.16 & 17(a) ASPRM 2009*

# Contoh Kesalahan
# Meminta/Menerima Rasuah

**Contoh 1: Pegawai Kerajaan**

***Seorang kerani Jabatan Kewangan menerima wang RM500.00 sebagai upah mempercepatkan bayaran tuntutan kontraktor yang menjalankan kerja-kerja ubahsuai pejabat.***

**Contoh 2: Swasta**

***Seorang CEO syarikat meminta rasuah berbentuk komisen 5% daripada nilai projek daripada seorang kontraktor. Rasuah bertujuan supaya kontraktor itu berjaya dalam tender.***

# Contoh Kes Sebenar

Kes Berprofil Tinggi

*Datuk Harun Idris (bekas MB Selangor)*

**Kesalahan meminta menerima rasuah berjumlah $250,000 daripada HSBC Bank berbentuk derma politik untuk kelulusan pemberian milik sebidang tanah Negeri Selangor untuk projek pembinaan ibu pejabat HSBC. Dihukum penjara 2 tahun dan wang $250,000 dipulangkan kepada Kerajaan.**

***Haji Hassan Basri (Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh)***

***Kesalahan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM13,000 sebagai upah meringankan hukuman pesalah syarie dan melepaskan wang jaminan mahkamah. Beliau turut meminta dan menerima rasuah bagi meluluskan permohonan poligami. Hakim Hassan dijatuhkan hukuman penjara 19 tahun dan denda RM210,000.***

# Menawar/Memberi Rasuah

Mana-mana orang menawar/memberi rasuah kepada seorang ejen/pegawai awam sebagai balasan untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara berkaitan hal ehwal ejen/pegawai awam tersebut.

***Sek. 17(b) ASPRM 2009***

# Contoh Kesalahan
# Menawar/Memberi Rasuah

**Contoh 1:**

***Seorang penunggang motosikal memberi wang rasuah kepada polis trafik bagi mengelakkan daripada disaman kerana kesalahan lalulintas.***

Contoh 2:

***Seorang pengurus sebuah kelab malam menawarkan/memberi wang kepada pegawai penguatkuasa PBT supaya mereka tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana melanggar syarat-syarat perniagaan yang ditetapkan oleh PBT.***

# Contoh Kes Sebenar

Kes Berprofil Tinggi

*Datuk Azman Mahalan(Exco Perak)*

***Memberi rasuah sebanyak RM2,000.00 dan RM5,000.00 kepada seorang kontraktor A. Suapan bertujuan supaya A menolak tawaran penyelesaian hutang daripada B. Penolakan tawaran penyelesaian itu akan menyebabkan B kekal muflis dan tidak layak bertanding untuk menentang Dato' Azman bagi jawatan Ketua UMNO Bahagian Tapah pada 22 April 2001. Beliau didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara 2 tahun dan denda RM10,000.***

# Mengemukakan Tuntutan Palsu

**Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya pesanan kerajaan, resit dan *invoice*) yang mempunyai butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya (pejabat/majikan).**

***Sek. 18 ASPRM 2009***

# Contoh Kesalahan
## Mengemukakan Tuntutan Palsu

***Seorang pegawai kerajaan (atau swasta) telah mengemukakan tuntutan elaun perjalanan kepada majikannya. Tuntutan tersebut menyatakan beliau melaksanakan tugas rasmi di Pulau Pinang, walhal pada tarikh tersebut beliau tidak berada di tempat yang dinyatakan. Tuntutan tersebut adalah bagi mendapat keuntungan peribadi dan dengan niat untuk memperdayakan majikannya.***

# Contoh Kes Sebenar

**BFT**

**Kes Berprofil Tinggi**

***YB Datuk Abdul Rahman Bakri (Parlimen Sabak Bernam)***

***Dalam tahun 2008, beliau dan pembantunya Rosli Busro mengemukakan lapan tuntutan palsu kepada Pejabat Daerah Sabak Bernam membuat pembayaran bagi lapan program/aktiviti menggunakan wang peruntukan ADUN Sungai Air Tawar. Dihukum penjara 6 tahun dan denda RM50,000.***

***YB Yap Soo Sun (ADUN Teratai)***

*YB Yap dan pembantunya Firdaus telah mengemukakan tujuh tuntutan berhubung program mesra rakyat yang kononnya dilaksanakan sempena Tahun Baru Cina dan sambutan Thaipusam. Padahal sebenarnya, program-program tersebut tidak pernah dibuat. Kedua-duanya dihukum penjara 2 tahun dan denda RM50,000.*

# Salah Guna Kedudukan/Jawatan

Pegawai badan awam menggunakan kedudukannya dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu perkara di mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan.

*Sek. 23 ASPRM 2009*

# Contoh Kesalahan
## Salah Guna Kedudukan/Jawatan

*Dalam satu mesyuarat tender, Pengerusi mesyuarat selaku YDP Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan jawatan beliau dengan meluluskan dan memberikan projek pembinaan rumah kos rendah (di kawasan jajahan PBT itu) kepada syarikat XXX Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh isterinya sendiri.*

# Contoh Kes Sebenar

BFT

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (KM Sabah)**

**Beliau telah menggunakan kuasa mutlaknya untuk meluluskan projek pembangunan di Tambunan bernilai RM1,483,341.60 kepada syarikat Rimkaya Sdn Bhd yang dimiliki oleh dua orang adik iparnya. Beliau didapati bersalah dan didenda.**

***Dato' Waad Mansor (EXCO Negeri Sembilan)***

***Terlibat membuat keputusan dalam mesyuarat EXCO yang membuat keputusan meluluskan projek kuari kepada syarikat Teraju Nusantara. Isterinya merupakan salah seorang pengarah syarikat tersebut. Dipenjara 2 tahun.***

***Dato' Sahar Arpan (EXCO Negeri Melaka)***

***Terlibat membuat keputusan bagi meluluskan permohonan tanah kepada syarikat proxi beliau. Dipenjara 2 tahun.***

Kes Berprofil Tinggi

# HUKUMAN

- Penjara tidak lebih 20 tahun; **DAN**
- 5 kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana yang lebih tinggi.

HADIAH *boleh menjadi*

RASUAH

# HADIAH vs RASUAH?

- Hadiah menjadi rasuah apabila...?
  - Pemberi dan penerima hadiah mempunyai hubungan rasmi
  - Pemberian hadiah akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima
  - Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi

- Peringatan kepada penjawat awam: Jangan sesekali menerima hadiah/barang bernilai daripada kontraktor/pembekal yang berurusan rasmi dengan anda.

# *Kesalahan* Menerima Hadiah?

**Seksyen 165 Kanun Keseksaan**

Kesalahan pegawai awam menerima barang bernilai tanpa balasan setimpal daripada pihak yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

**Hukuman:** Penjara 2 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

# Contoh Kesalahan –Menerima Hadiah

*Bekas MB Selangor, Dr Mohd Khir Toyo dituduh (s. 165 KK) kerana telah **mendapatkan untuk dirinya** dan isterinya dua lot tanah dan sebuah rumah di Shah Alam daripada Ditamas S.B dengan **harga RM 3.5 juta** sedangkan hartanah tersebut telah **dibeli oleh Ditamas S.B pada tahun 2004 dengan harga RM6.5 juta**. Pada masa itu, beliau mengetahui bahawa Shamsudin Bin Hayroni iaitu Pengarah Ditamas Sdn. Bhd mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasminya.Dr. Khir didapati bersalah. Beliau dihukum 12 bulan penjara dan rumah banglo milik beliau dilucuthak.*

Kes Berprofil Tinggi

# Contoh Kes Sebenar

B F T

## HASBIE SATAR

Merupakan Setiausaha Sulit Kanan kepada YB mantan Menteri Kewangan II (Tan Sri Nor Mohamed Yakcop).

***Bagaimana :*** Menggunakan kedudukannya untuk meminta/menerima komisen (melalui proksi) daripada kontraktor-kontraktor yang memohon projek di bawah MOF bagi mendapatkan kelulusan projek.

***Bentuk:*** 1% - apabila surat kelulusan MOF dikeluarkan.
2% - apabila surat niat telah dikeluarkan
2% - apabila kontraktor terima surat tawaran MOF.

***Siasatan :*** Menemui wang tunai RM2,134,656.00
***Pertuduhan:*** 28 pertuduhan di bawah AMLATFA
***Lucuthak:*** Rumah banglo dan rumah kedai (RM4.6m)

Kes Berprofil Tinggi

# *Mengapa*

# RASUAH BERLAKU?

# *Corruption Equation*

KUASA + PELUANG –
INTEGRITI
= RASUAH

## TEKANAN

**Financial Pressure**

- *Kos sara hidup tinggi*
- *Masalah hutang*
- *Hidup bermewah-mewah*
- *Tabiat berjudi*

**Work Pressure**

- *Tidak dinaikkan pangkat*
- *Berasa gaji tidak setimpal kerja yang dilakukan*
- *Penilaian SKT yang rendah/tidak patut*

# FAKTOR-FAKTOR RASUAH BERLAKU

## PELUANG

- *Kawalan dalaman yang lemah*
- *Ruang berlaku rasuah dlm sistem/prosedur*
- *Tiada pemantauan*
- *Tiada pengasingan tugas*
- *Banyak budibicara*

## RASIONALISASI

- *Orang nak bagi. Ambik je la. Bukan mintak pun.*
- *Bos pun ambik rasuah. Tak kan aku tak boleh kot.*
- *Bukan duit dia pun. Dia akan 'claim' kat syarikat.*
- *kalau saya tak ambil, orang lain akan ambil.*

# Kesan Rasuah kepada

## JABATAN/ORGANISASI

- Perkhidmatan menjadi tidak cekap
- Sistem, prosedur, dan peraturan menjadi tidak berkesan.
- Wujud ketidakadilan dalam perkhidmatan
- Hilang kepercayaan orang awam/pelanggan
- Merosakkan imej jabatan/organisasi.

# *Kesan Rasuah kepada* KESELAMATAN NEGARA

- Kemasukan senjata api, dadah, judi, pelacuran dan anasir subversif
- Melindungi penjenayah
- Menghasilkan bangunan dan infrastruktur yang tidak bermutu dan bahaya.
- Merosakan eko-sistem negara.
- Boleh menyebabkan berlaku pergolakan sosial/rusuhan akibat tidak puas hati dengan kerajaan (seperti di Indonesia)

# Kesan Rasuah kepada SYARIKAT

Contoh : Kes rasuah di Sime Darby

- Sime Darby mengumumkan kerugian sebanyak RM964 juta bagi suku tahun kedua tahun kewangan 2010.

- "Ops Bilion" oleh SPRM membawa kepada penangkapan 4 pegawai kanan termasuk CEO Sime Darby yang terlibat dengan rasuah.

# *Kesan Rasuah kepada* SYARIKAT

## Syarikat akan di "*black list*"

Contoh: Kes rasuah syarikat Alcatel

- Pihak ALCATEL di US mengaku ada pembayaran rasuah kepada konsultan negara ini untuk dapatkan maklumat tender.
- Disenaraihitam oleh Kerajaan.

# Mengenal

# SIMPTOM RASUAH

# Tanda-tanda mereka
# Terlibat dengan jenayah rasuah

- Perubahan gaya hidup mewah secara tiba-tiba.
- Kegagalan menjelaskan punca perolehan harta
- Enggan dinaikkan pangkat atau ditukarkan
- Panggilan telefon yang mencurigakan
- Suka hidup berlagak seperti orang kaya
- Perletakan jawatan secara tiba-tiba

# INISIATIF KERAJAAN

- Penubuhan Unit Integriti Di Kementerian dan Jabatan
- Portal Pengistiharan Harta oleh Anggota Parlimen & Anggota Pentadbiran
- Mahkamah Khas Rasuah - Pendakwaan kes rasuah dalam tempoh setahun
- Pangkalan Data Pesalah Rasuah
- Pencegahan rasuah melalui pendidikan.

  - Buku teks

  - Penubuhan Sekretariat IPG

# *Laporkan* RASUAH

# KEWAJIPAN
# Melapor Jenayah Rasuah

Wajib lapor sekiranya...

1. Dijanji, ditawar, atau diberi rasuah.

   Gagal melapor – didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

2. Diminta atau cuba diperoleh (daripada beliau) suapan.

   Gagal melapor – boleh didenda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

*Sek. 25 ASPRM 2009*

# Melaporkan Rasuah:
# Apa yang penting?

- Tarikh, masa dan tempat kejadian;
- Identiti pemberi, penerima dan orang tengah (jika ada);
- Apa yang berlaku dan siapa yang terlibat dalam kejadian;
- Saksi - saksi yang mengetahui atau melihat kejadian; dan
- Dokumen-dokumen yang berkaitan.

# Bagaimana melapor Jenayah rasuah?

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM

- Menghubungi pejabat SPRM

  *Talian Bebas Tol :* ***1-800-88-6000***
  *Talian Biasa :* ***03-8870 0000***
  *SMS :* ***019-6000 696***
  *Faks :* ***03-8870 0901***

- Mengirim e-mel kepada **info@sprm.gov.my**

- Mengirim surat ke **Peti Surat 6000** (tanpa setem)

- Menghubungi mana-mana pegawai SPRM

*Pemberi Maklumat*

Saksi

**AKAN DILINDUNGI!**

# Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

- Kerahsiaan identiti Pemberi Maklumat itu sendiri
- kebal daripada tindakan sivil, jenayah, atau tatatertib akibat daripada pendedahan
- Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan – apabila Pemberi Maklumat diambil tindakan

NOTA: *Dengan syarat pemberi maklumat bersedia dikenali oleh pegawai SPRM.*

# Perlindungan Apabila Pemberi Maklumat Diambil Tindakan

- Contohnya, dibuang kerja, diugut, ditukarkan, turun pangkat, dipulaukan dsb.
- Akibat tindakan tersebut, pemberi maklumat boleh mendapat remedi berikut (dengan perintah mahkamah):
  - pampasan, ganti rugi, atau relif lain
  - injunksi (terhadap orang yang mengambil tindakan)
  - Memerintahkan tindakan personel seperti kembali bertugas, mengembalikan jawatan
  - jika penempatan semula tidak boleh diberi, harus membayar pampasan sebagai ganti.

# Mengambil tindakan ke atas Pemberi Maklumat adalah satu Jenayah

Liabiliti dan tindakan ke atas orang yang mengambil tindakan memudaratkan

- Membayar pampasan atau gantirugi
- Melakukan kesalahan jenayah
- Hukuman: Denda RM100,000.00 atau penjara maksimum 15 tahun atau kedua-duanya sekali

# Akta Perlindungan Saksi 2009

Melalui Program Perlindungan Saksi. Antara bentuk perlindungan adalah:

- menyediakan tempat tinggal untuk peserta itu;
- memohon mewujudkan suatu identiti baru;
- memberikan pembayaran sara hidup
- apa-apa tindakan lain sebagaimana yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah Unit Perlindungan Saksi, JPM.

- **Anti Bribery Management System (ABMS): ISO 37001**
- **Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Sek 17 (A) Akta SPRM**
- **Pembentukan Governance, Integrity & Anti Corruption Centre (GIACC)**

JUSTERU ITU APA HARUS KITA BUAT DALAM MENANGANI MASALAH INTEGRITI INI…




A lifestyle of
INTEGRITY
will make you a
TRUSTWORTHY
person in every aspect of your
business and personal life.
-SHARMAN DOW-


INTEGRITY
No matter how educated, talented, rich, or cool you believe you are, how you treat people ultimately tells all. Integrity is everything.


INTEGRITY IS CHOOSING COURAGE OVER COMFORT; CHOOSING WHAT IS RIGHT OVER WHAT IS FUN, FAST, OR EASY; AND CHOOSING TO PRACTICE OUR VALUES RATHER THAN SIMPLY PROFESSING THEM.
BRENE BROWN
VALUES .COM


Integrity Starts
With Self




# Salahguna Kuasa Dan Kedudukan

Menggunakan kedudukan atau jawatan resmi untuk kepentingan diri. Membuat keputusan atau apa-apa tindakan untuk diri sendiri, saudara atau sekutu yang mempunyai kepentingan
(Seksyen 15, APR, 1997)

# FAKTOR YANG MENJEJASKAN INTEGRITI

- Kelemahan individu
- Sistem dan prosedur
- Struktur dan institusi
- Kepimpinan



# INDEK RASUAH ANTARABANGSA

| NEGARA | 2002 | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 |
|---|---|---|---|---|---|
| Finland | 9.7 | 9.7 | 9.7 | 9.6 | 9.6 |
| Singapura | 9.3 | 9.4 | 9.3 | 9.4 | 9.4 |
| Jepun | 7.1 | 7.0 | 6.9 | 7.3 | 7.3 |
| Malaysia | 4.9 | 5.2 | 5.0 | 5.1 | 5.0 |
| Korea S | 4.5 | 4.3 | 4.5 | 5.0 | 5.1 |
| Thailand | 3.2 | 3.3 | 3.6 | 3.8 | 3.6 |
| **Philipina** | 2.6 | 2.5 | 2.6 | 2.5 | 2.5 |
| Indonesia | 1.9 | 1.9 | 2.0 | 2.2 | 2.4 |

| 2017 Rank | Country | 2017 Score | 2016 Score | 2015 Score | 2014 Score | 2013 Score | 2012 Score |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 57 | Saudi Arabia | 49 | 46 | 52 | 49 | 46 | 44 |
| 59 | Greece | 48 | 44 | 46 | 43 | 40 | 36 |
| 59 | Jordan | 48 | 48 | 53 | 49 | 45 | 48 |
| 59 | Romania | 48 | 48 | 46 | 43 | 43 | 44 |
| 62 | Cuba | 47 | 47 | 47 | 46 | 46 | 48 |
| 62 | Malaysia | 47 | 49 | 50 | 52 | 50 | 49 |
| 64 | Montenegro | 46 | 45 | 44 | 42 | 44 | 41 |
| 64 | Sao Tome and Principe | 46 | 46 | 42 | 42 | 42 | 42 |
| 66 | Hungary | 45 | 48 | 51 | 54 | 54 | 55 |
| 66 | Senegal | 45 | 45 | 44 | 43 | 41 | 36 |

Rajah menujukkan Malaysia berkongsi tangga 62 dengan Cuba, dalam laporan Index Persepsi Rasuah terkini dikeluarkan Transparency International hari ini

The Corruption Perceptions Index (CPI) is an index published annually by Transparency International since 1995 which ranks countries "by their perceived levels of public sector[1] corruption, as determined by expert assessments and opinion surveys."[2] The CPI generally defines corruption as "the misuse of public power for private benefit".[3] The CPI currently ranks 176 countries "on a scale from 100 (very clean) to 0 (highly corrupt)". Denmark and New Zealand are perceived as the least corrupt countries in the world, ranking consistently high among international financial transparency, while the most perceived corrupt country in the world is Somalia, ranking at 9–10 out of 100 since 2017.[4]

As of October 2018, the 2017 report was the latest to be released. It was released on February 21, 2018

**The top 10 most corrupt countries according to the CPI are:**

1. Somalia (Corruption Perception Index Score: 9)
2. South Sudan (Corruption Perception Index Score: 12)
3. Syria (Corruption Perception Index Score: 14)
4. Afghanistan (Corruption Perception Index Score: 15)
5. Yemen (Corruption Perception Index Score: 16)
6. Sudan (Corruption Perception Index Score: 16)
7. Libya (Corruption Perception Index Score: 17)
8. North Korea (Corruption Perception Index Score: 17)
9. Venezuela (Corruption Perception Index Score: 18)
10. Iraq (Corruption Perception Index Score: 18)

**By Bernama - January 29, 2019 @ 8:38pm**

KUALA : Malaysia has moved up to 61st spot among the 180 countries in the latest Corruption Perceptions Index (CPI) for 2018, one notch higher from the previous year.

Transparency International-Malaysia (TI-M) president Datuk Akhbar Satar said Malaysia, however, retained the score of 47 out of 100 points on the CPI's survey.

The CPI scores and ranks are based on 13 surveys and expert assessments which measures the perceived level of corruption in the country's public sector on a scale from zero (perceived to be highly corrupted) to 100 (perceived to be very clean).

"Among ASEAN countries, Malaysia is among the top three after Singapore and Brunei," he told a press conference in announcing Malaysia's CPI result for 2018, which was released by the global anti-graft coalition, Transparency International (TI) worldwide, here today.

He said Malaysia stood below Singapore (3rd) and Brunei (31st), but above Indonesia (89th), Thailand (99th), the Philippines (99th), Vietnam (117th), Myanmar (132nd), Laos (132nd) and Cambodia (161st).

Worldwide, Denmark is in the top spot with 88 points, while New Zealand ranked second with 87 points. Finland, Singapore, Sweden and Switzerland shared the third spot with 85 points, making them among the top five

## Malaysia's Corruption Perception Index score

| Year | Country ranking | CPI score | Countries surveyed |
|---|---|---|---|
| 2001 | 36 | 5.0 | 91 |
| 2002 | 33 | 4.9 | 102 |
| 2003 | 37 | 5.2 | 133 |
| 2004 | 39 | 5.0 | 146 |
| 2005 | 39 | 5.1 | 159 |
| 2006 | 44 | 5.0 | 163 |
| 2007 | 43 | 5.1 | 179 |
| 2008 | 47 | 5.1 | 180 |
| 2009 | 56 | 4.5 | 180 |
| 2010 | 56 | 4.4 | 178 |
| 2011 | 60 | 4.3 | 178 |

Source: Transparency International

Azlan Zamhari / Malaysiakini

Peruntukan pengurusan untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2013 adalah sebanyak RRM252 juta manakala Jabatan Audit Negara pula RM14 juta.
Malah, peruntukan tambahan berjumlah jutaan ringgit juga disalurkan ke makmal Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 selain iklan-iklan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
"Pencapaian ini sukar untuk dibanggakan kerana....
"

Malaysia masih lagi ketinggalan jauh di belakang negara jiran Asia dan Timur Tengah termasuk Singapura (5), Hong Kong (15), Jepun (18), Emiriyah Arab Bersatu (26), Qatar (28), Bhutan (31), Taiwan (36), Brunei (38) dan Korea Selatan (46),"

Bagi tahun 2014, peruntukan kepada SPRM ditingkatkan kepada RM298 juta dan Jabatan Audit Negara juga naik kepada RM169 juta, menjadikan jumlah keseluruhan RM467 juta untuk kedua-dua agensi tersebut.

# Integriti Pegawai
# vs
# Integriti Masyarakat Awam

## Siapa Yang Tewas?

# Pengukuhan Integriti

# Apa telah dilakukan?



# Antara lain ...

- ❖ **Penggunaan Tanda Nama**
- ❖ **Piagam Pelanggan**
- ❖ **Penggubalan Kod Etika**
- ❖ **Hari Bertemu Pelanggan**
- ❖ **Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja**
- ❖ Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti – Aktiviti Berisiko
- ❖ Modul Pengurusan intgriti

# Antara lain ...

- **Laporan Pengisytiharan Harta**
- **Program Nilai Murni**
- **Pusingan tempat Kerja**
- **Penandaarasan**
- **Bersih, Cekap, Amanah**
- **Tonggak Duabelas**
- Kepimpinan Melalui Teladan
- Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan
- Pasukan Petugas Khas Menangani Karenah Birokrasi

# MENJADIKAN




# INTEGRITI

# BUDAYA MASYARAKAT

# Cabaran Masakini:

- Memantapkan integriti
- Mengurus kejayaan
- Mewujudkan pembangunan seimbang dan mampan untuk kesejahteraan rakyat

# Wawasan 2020 – mewujudkan sebuah Negara maju menurut Acuan sendiri Menjelang tahun 2020






INDIVIDU

SISTEM & PROSEDUR

**FAKTOR MENJEJASKAN INTEGRITI**

KEPIMPINAN

STURKTUR & INSTITUSI

BUDAYA



## INDIVIDU

- Kelemahan Individu
- Kurang pendidikan dan penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja lemah
- Tamak
- Tidak nampak kelemahan sendiri
- Tekanan hidup

## KEPIMPINAN

- Kepimpinan kurang berteladan, lemah iltizam
- Arahan pemimpin yang melanggar prosedur dan peraturan

## SISTEM & PROSEDUR

- Kurang ketelusan
- Kelemahan sistem, prosedur dan garis panduan
- Kurang penguatkuasaan
- Penguatkuasaan berpilih
- Kurang pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad
- Kerangka undang-undang lapuk dan percanggahan dalam undang-undang

## BUDAYA

- Budaya masyarakat yang kurang menitikberatkan integriti
- Takut membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli
- Enggan melaporkan kesalahan yang dilakukan pihak lain
- “angguk” dan “ampu”

## STRUKTUR DAN INSTITUSI

- STRUKTUR
- Struktur tidak kemas dan kurang fokus
- Matlamat tidak jelas dan munasabah
- Struktur lapuk, tidak sesuai dengan tuntutan dan cabaran baru
- INSTITUSI
- Pertindihan skop, tugas dan tanggungjawab antara institut
- Kurang koordinasi
- Pertentangan matlamat antara institusi menyebabkan penyebaran nilai-nilai yang bertentangan – krisis nilai

# KEMEROSOTAN INTEGRITI

# MODEL PEMANTAPAN INTEGRITI

## Negara & Masyarakat




PELAN INTEGRITI NASIONAL & INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA


B F T
Faktor Penentu Kejayaan
Kepimpinan berteladan
Pendidikan berterusan dan berulang
Komunikasi berkesan
Persekitaran Budaya Yang kondusif
Kerjasama jentera politik dan jentera pentadbiran
Kerangka perundangan berkesan dan kehakiman bebas
Kecukupan dan kecekapan Sumber
Kesediaan individu untuk berubah

# NILAI-NILAI MURNI & ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM



# PENYAKIT DUNIA

- PENYELEWENGAN/PENIPUAN/PECAH AMANAH – 1MDB, ARTHUR ANDERSON, MERCK, TABUNG HAJI, SYARIKAT-SYARIKAT DIBURSA SAHAM, etc.
- GEJALA SOSIAL:
  - **SKANDEL SEKS**
  - **DADAH**
  - **BUNUH DIRI**
  - **ROGOL**
  - **PEMBUNUHAN/JENAYAH**
  - **PENDERAAN ANAK/ANAK LUAR NIKAH**
  - **KES JUVENIL**

- DERA ISTERI/SUAMI
- SUMBANG MAHRAM / BERSEKEDUDUKAN
- HOMOSEKSUAL / LESBIAN
- PELACURAN / PELACURAN KANAK - KANAK
- SALAHLAKU PEMIMPIN
- GANSTERISM DI SEKOLAH
- DLL.

- PENCABULAN / PEPERANGAN
- GILA KUASA
- **DAN LAIN-LAIN**

# APAKAH PUNCA MASALAH?

**SOAL PERILAKU MANUSIA?**

PEGANGAN NILAI & ETIKA MANUSIA?

SOAL DALAMAN / ROHANIAH VS FIZIKAL MANUSIA

# DEFINISI NILAI

Kepercayaan yang mendorong seseorang atau sebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat.

# DEFINISI ETIKA

- **Tanggungjawab dan akibat tingkah** laku seseorang atau profesyen terhadap masyarakat.

- Seseorang anggota Perkhidmatan awam berkewajipan memahami tanggungjwab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam Kerajaan.

# SUMBER NILAI & ETIKA

- Ibu Bapa dan Keluarga
- Rakan – Rakan
- Sekolah
- Agama
- Budaya
- Kerajaan

Apakah sumber –sumber etika yang lain??

# Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam

- Nilai-nilai Peribadi Asas.
- Nilai-nilai Mengutamakan Pelanggan.
- Nilai-nilai Kepimpinan.
- Nilai-nilai Profesionalisma.
- Nilai-nilai Produktiviti dan Kualiti.
- Nilai-nilai Keagamaan.

Nilai-Nilai Peribadi Asas:

- Amanah
- Bertanggungjawab
- Ikhlas
- Berdedikasi
- Berdisiplin
- Bekerjasama
- Bersih
- Tekun
- Sederhana

Mengutamakan Pelanggan:

- Berbudi Mulia
- Bersabar
- Sopan Santun
- Pemurah.

Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Pentadbir

Nilai-Nilai Profesionalisme:

- Berilmu
- Kreativiti
- Inovasi
- Integriti
- Neutraliti
- Kejujuran Intelektual
- Akauntabiliti
- Berkecuali

Nilai-nilai Keagamaan:

- Bersyukur
- Beriman
- Bertakwa

Produktiviti/ Kualiti:

- Produktiviti
- Kualiti

Nilai-nilai Kepimpinan:

- Adil
- Berani
- Syura

# USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI OLEH KERAJAAN

- ✓ **1979 - PANDUAN PERKHIDMATAN CEMERLANG.**
- ✓ 1983 - PENGGUNAAN KAD PERAKAM WAKTU
  (SURAT PEKELILING AM BIL.11/83).
- ✓ 1982 - KEMPEN BERSIH CEKAP DAN AMANAH.
- ✓ 1982 - DASAR PANDANG KE TIMUR.
- ✓ 1983 - PENGGUNAAN TANDA NAMA
  (SURAT PEKELILING AM BIL.8/83).

- ✓ 1987 - ETIKA KERJA ISLAM.
- ✓ 1989 - GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG.
- ✓ 1991 - SAMBUTAN HARI Q PERKHIDMATAN AWAM.
- ✓ 1992 - BUKU TONGGAK DUA BELAS
- ✓ 1998 - ARAHAN Y.A.B. PERDANA MENTERI NO.1
- ✓ 2000 – ARAHAN Y.A.B. PERDANA MENTERI SIRI 2
- ✓ 2004 – PELAN INTEGRITI NASIONAL

# KEBERKESANAN USAHA-USAHA KERAJAAN

Banyak sudah dasar, program, arahan-arahan yang telah diperkenal dan dilaksanakan oleh kerajaan di dalam sektor awam berhubung dengan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni.

Persoalannya, adakah usaha-usaha ini telah mendatangkan kesan dan telah mencapai matlamatnya untuk mengatasi masalah salahlaku serta krisis moral?

Krisis nilai akan terus berlaku selagi kekuatan materialisme mengatasi kekuatan moral dan longgarnya prinsip-prinsip kerohanian anggota Perkhidmatan Awam.



ah 2002).

# MASALAH / ISU NILAI & ETIKA

KES INTEGRITI PEGAWAI

- Rasuah
- Salahguna Kuasa
- Penyelewengan
- Pecah Amanah
- Penipuan

# KES KUALITI PERKHIDMATAN KAUNTER

- Layanan Buruk
- Lambat
- Tidak Mesra
- Petugas Tidak Bertanggungjawab

  & Amanah

# KES TATATERTIB

- Melanggar Peraturan dan Prosidur Kerja
- Cuai Menjalankan Tugas
- Tidak Hadir Bertugas
- Kes Sabitan Mahkamah Jenayah
- Gagal Mematuhi Syarat-Syarat Cuti Belajar
- Lain-lain

# TERAS PERKHIDMATAN

- Berazam meninggikan mutu perkhidmatan
- Bekerja dengan penuh tanggungjawab
- Berusaha mengikis sikap mementingkan diri
- Berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan
- Bekerja ke arah memajukan pemikiran rakyat dan pembangunan negara
- Bekerjasama dalam membenteraskan kelemahan dan musuh-musuh negara
- Berpegang teguh kepada ajaran agama

BFT

## NILAI TERAS P.A.

1. Amanah
2. Bijaksana
3. Benar
4. Telus
5. Adil
6. Bersyukur

## NILAI SOKONGAN

1. Disiplin
2. Kerjasama
3. Taatsetia
4. Komitmen
5. Profesionalisme

# KAEDAH MENILAI KEBURUKAN & KELEMAHAN DIRI

1. Berdampingan dengan *spiritual guide* yang boleh memerhatikan serta berupaya memberitahu keburukkan kita.
2. Meminta kawan yang baik akhlaqnya (amanah & berbudi mulia) untuk mengawasi keadaan serta memberitahu akan keburukkan kita yang terlindung.

3. Perolehi kelemahan diri sendiri melalui musuh. Ini kerana seorang musuh akan dapat melihat keburukan dan kelemahan diri seseorang itu lebih tepat dari rakan baik sendiri.
4. Bergaul dengan masyarakat, serta melihat keburukan serta kelemahan mereka sebagai keburukan dan kelemahan diri sendiri.

# Prinsip STAF sebagai etika kerja

- S Siddiq (benar) truthful
- T Tabligh (komunikasi) communication
- A Amanah (dipercayai) trustworthy
- F Fathanah (kebijaksanaan) wisdom

# Siddiq (Benar)

# Benar

- Benar terhadap diri
- Benar terhadap keluarga
- Benar terhadap majikan
- Benar terhadap masyarakat
- Benar terhadap Tuhan

# Bagaimana membina sikap benar?

# 5 langkah sentiasa Benar

1. Bermula dengan Ikhlas dan memelihara keikhlasan

2. Melandaskan hidup berdasarkan syariat dan menegakkan ibadah

3. Memelihara hati dan akhlak yang murni

4. Berjihad dan mujahadah menegakkan ihsan



# Tabligh (Komunikasi)

# Komunikasi

perhubungan berkeyakinan dan bermaruah diri tanpa menjadi sombong atau lemah pendirian.

# Bagaimana membina komunikasi?



# 5 Langkah Membina Komunikasi

1. Sentiasa tersenyum dengan penuh keyakinan, apabila berjumpa sebarkan salam dan kenalkan diri

2. Bertutur-kata dengan mesra dan mendengar lebih dari bercakap, bercakap bila ada yang baik dikatakan atau diam

3. Berjalanlah dengan penuh keyakinan, tetapi tidak pula menyombong diri atau berkata besar

4. Sentiasa mengucapkan terima kasih dan bersyukur kepada mereka yang membantu kita

5. Tidak menceritakan masalah kepada yang lain melainkan mereka terlibat di dalam penyelesaiannya



# Amanah

# Amanah (Responsibility)

Sifat dalaman insan yang mengesani perbuatannya

# Beza Amanah

- Orang yang amanah akan memimpin dirinya

- Orang yang tidak amanah perlu diperhatikan

# Apa contoh perbuatan orang tidak amanah?

# Perbuatan orang yang tidak amanah:

- Malas kerja,
- Tidak jujur,
- Curi tulang,
- Datang lewat,
- Balik awal,
- dll.



# Kesan Amanah

- Amanah ini datang dari hati yang sentiasa memerhatikan tindakannya dan kesan perbuatannya sekarang terhadap masa depannya.

"Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya akan jatuh ke tanah juga"

# Bagaimana membina sikap amanah?

# 5 langkah Menanam Sikap Amanah

1. Biasakan diri dengan kejujuran, lawan keinginan untuk tidak amanah dan lakukan sesuatu dengan terbaik

2. Mengajak kawan-kawan mengamalkannya dan mengamalkannya sendiri

3. Mencontohi ‘role model’ yang berjaya dan menjadi ‘role model’ untuk orang lain

4. Tidak memberi alasan, jika sesuatu yang dijanjikan tidak dapat ditunaikan, beritahu segera

5. Memikirkan akibat tidak amanah kepada kerja dan balasannya diakhirat esok

# Fathanah (Kebijaksanaan)

# Fathanah (Kebijaksanaan)

Kebijaksanaan adalah kombinasi diantara *ilmu* dan *pengalaman* dan ia hanya akan terhasil melalui

- usaha berfikir
- belajar dan
- bekerja

# Orang yang bijaksana adalah..

mereka yang:

- tahu mengawal dirinya
- jelas matlamat hidupnya

maka dia bergerak dengan penuh kendali

diri yang baik dan tujuan yang terarah.

# Erti Kebijaksanaan

Termasuk di dalam kebijaksanaan adalah boleh laksanakan tanggung jawab dengan paling efektif dan efisien

# Apakah langkah-langkah untuk bijaksana?

# 5 Usaha Untuk Bijaksana

1. Teruskan sikap belajar dari semua aspek kehidupan seperti alam, pergaulan dll.

2. Tanamkan minat dan teruskan membaca dengan sebuah kamus disisi

3. Sebelum melakukan sesuatu, fikirkan kesan perbuatan keatas

4. Dapatkan kad perpustakaan untuk diri anda dan semua ahli keluarga anda dan sertailah kursus-kursus, kelas malam, kelas separa masa di universiti dll.

5. Model kan diri anda kepada seorang yang bijaksana dan fikirkan bagaimana saya boleh lakukan sesuatu dengan lebih baik

# Some Final Thoughts…

… "To every man is given the key to the gates of heaven.  The same key opens the gate of hell…" we do not have any instruction as to which is which gate" (Schweber)




trust
yourself.
you know
more than you
think you do.
(dr. spock)

# RENUNGAN

- *Kita tidak dilahirkan terus*

*BERJAYA BAHAGIA PANDAI MENANG*

- *Kita juga tidak dilahirkan terus*

*GAGAL MENDERITA KECEWA KALAH*

- *Tetapi kita berpotensi untuk menjadi apa yang kita inginkan*



***Manusia diberikan kebebasan memilih, merancang dan mengambil tindakan terhadap kehidupannya.***




**IBRAHIM HAJI HUSSAIN**
**013-3365715**
**ibrahimbft@gmail.com**

